

R B477 AAB  
MAHATHIR - JAWATANKUASA  
OLEH REJAL ARBEE 1984

KAHERAH, 15 DIS. (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA SEBUAH JAWATANKUASA BERSAMA ANTARA MALAYSIA DAN MESIR AKAN DITUBUHKAN UNTUK MEMPERBAIKI HUBUNGAN DUA HALA.

PENUBUHAN JAWATANKUASA ITUDIBOLEHKANDIBAWAHTIGA PERJANJIAN ASAS YANG DITANDATANGANI ANTARA KEDUA-DUA BUAH NEGARA DALAM 1977 DAN DIPERSETUJUI DALAM MESYUARAT DISINI RABU LALU ANTARA PARA PEGAWAI KEDUA-DUA NEGARA YANG DIKETUAI OLEH PERDANA MENTERI MASING-MASING, DATUK SERI DR. MAHATHIR DAN ENCIK KAMAL HASSAN ALY.

DATUK SERI DR MAHATHIR MEMBERITAHU SATU SIDANG AKHBAR DI HELIOPOLIS SHERATON BAHAWA BELIAU GEMBIRA DENGAN HASIL LAWATANNYA KE MESIR.

BELIAU BERLEPAS KE BAHAGO, MALI HARI INI UNTUK MENERUSKAN LAWATANNYA KE TIGA NEGARA AFRIKA. KATANYA SAMBUTAN KERAJAAN MESIR TERHADAP BERBAGAI CADANGAN MALAYSIA MENGENAI HUBUNGAN DUA HALA YANG LEBIH KUKUH SONGGUH MENGGALAKKAN.

+ KITA TELAH MENGENALPASTI BERBAGAI ASPEK KERJASAMA. UMPAMANYA DALAM BIDANG 'PERNIAGAAN PERSETUJUAN DICAPAI UNTUK MENUBUHKAN KEGIATAN-KEGIATAN MEMPROSES INDUSTRI MINYAK KELAPA SAWIT DISINI. +

BELIAU MEMBERITAHUBAHAWA RUNDINGAN-RUNDINGAN MENGENAI KERJASAMA ANTARA PARA PENIAGA MALAYSIA DAN MESIR JUGABERJALAN DENGAN MENGGALAKKAN.

+ SAYA PERCAYA 'IANYA AKAN MENGHASILKAN SESUATU. +

SEKUMPULAN TOKOH PERNIAGAAN MALAYSIA BERADADISINI SEMPENA LAWATAN PERDANA MENTERI UNTUK MENINJAU KEMUNGKINAN MENINGKATKAN HUBUNGAN PERNIAGAAN TERMASUK PEMBELIAN BARANGAN DAN PELABURAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BAHAWA MALAYSIA JUGASEDANG MENINJAU KEMUNGKINAN MENGADAKAN GUDANG-GUDANG DI MESIR YANG AKAN DIKENDALIKAN SECARA USAHASAMA OLEH MALAYSIA DAN MESIR UNTUK MENGEDARKAN BERBAGAI BARANGAN MALAYSIA DIRANTAUITU..

KATANYA BELIAU TELAH MENCADANGKAN KEPADA TOKOH-TOKOH PERNIAGAAN MESIR SUPAYA MENGADAKAN +MINGGU MESIR+ DI MALAYSIA UNTUK MEMPERKENALKAN BARANGAN MEREKA KEPADA RAKYAT DAN PASARAN MALAYSIA.

+ SELAMA INI KITA MENGENALI MESIR HANYA SEBAGAI PUSAT PENGAJIAN TINGGI ISLAM DAN TIDAK SEBAGAI SEBUAH NEGARA YANG MENGHASILKAN BANYAK KELUARAN INDUSTRI YANG DIPERLUKAN OLEH MALAYSIA. + -- LAGI  
1054MST 15 12 84

R B479 AAB

MAHATHIR - JAWATANKUASA 3 KAHERAH  
DATUK SERI DR MAHATHIR DITANYASAMA ADA BELIAU MEMBAWA APA-APA  
PERUTUSAN DARIPADA PRESIDEN LIBYA, MUAMMAR GHADAFI UNTUK PRESIDEN  
MESIR, HOSNI MOBARAK MEMANDANGKAN BELIAU DATANG KE MESIR SETELAH  
MELAWAT LIBYA.

BELIAU JUGA DITANYA SAMA ADA BELIAU MEMEINCANGKAN HUBUNGAN  
MESIR-LIBYA SEMASA BERUNDING DENGAN PRESIDEN MOBARAK.

(LIBYA MEMUTUSKAN HUBUNGAN DIPLOMATIK DENGAN MESIR EKORAN  
DARI PADA PERJANJIAN KEM DAVID ANTARA MESIR DAN ISRAEL.)

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU TIDAK MEMBAWA SEBARANG  
PERUTUSAN DARIPADA PRESIDEN GHADAFI DAN BELIAU JUGATIDAK  
MEMBINCANGKAN HUBUNGAN MESIR-LIBYA.

KATANYA HUBUNGAN ANTARA MALAYSIA DENGAN LIBYA ADALAH SAMA  
SEPERTI HUBUNGAN MALAYSIA DENGAN MESIR, IAITU HUBUNGAN DUAHALA.

BELIAU DIHJANI DENGAN BEBERAPA SOALAN BERKASTAN DENGAN  
PERSOALAN PALESTIN DAN KEDUDUKAN DI ASIA BARAT DAN TELAH MENJELASKAN  
PENDIRIAN MALAYSIA.

BELIAU JUGA MENYEEUT BAHAWA PENERIMAAN SEMULA MESIR KE PANGKUAN  
PERTUBUHAN PERSIDANGAN ISLAM (OIC) MERUPAKAN SATU DARIPADA  
USAHA-USAHA YANG DIJALANKAN OLEH MALAYSIA.

MALAYSIA BERPENDAPAT BAHAWA MESIR IALAH SATU KUASA YANG KUAT DI  
ASIA BARAT DAN SEBAGAI NEGARA ARAB YANG TERBESAR IA SEPATUTNYA RAPAT  
DENGAN NEGARA-NEGARA ARAB YANG LAIN DISAMPING NEGARA-NEGARA ISLAM.

DITANYA PENDAPATNYA MENGENAI PEMULIHAN HUBUNGAN DIPLOMATIK  
DENGAN JORDAN DAN PERTUBUHAN PEMEBEASAN PALESTIN (PLO), BELIAU  
BERKATA SEBARANG PERKARA YANG MENYATUKAN SEMULA NEGARA-NEGARA ISLAM  
ADALAH BAIK.

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU TELAH MENJEMPUT PRESIDEN MOBARAK  
DAN PERDANA MENTERI KAMAL HASSAN ALI UNTUK MELAWAT MALAYSIA DAN  
BERHARAP SALAH SEORANG DARIPADA MEREKA DAPAT MELAWAT MALAYSIA TAHUN  
DEPAN.

SEMALAM DATUK SERI DR MAHATHIR MENUNAIKAN SEMBAHYANG JUMAAT DI  
MASJID ALAZHAR DAN DIRAIKAN OLEH PERSATUAN PERSAHABATAN  
MESIR/MALAYSIA DALAM SATU MAJLIS MAKAN TENGAH HARI DI GEZIRA  
SHERATON. -- BERNAMA

11 TOMST 15 12 a4  
11 F744 AAF